



KEKOSONGAN JAWATAN

Pensyarah Universiti Warganegara (Kontrak)-1 kekosongan Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Universiti Sains Malaysia

Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik mempelawa calon-calon yang memenuhi kriteria berikut untuk memohon kekosongan jawatan Pensyarah Universiti Warganegara (Kontrak)

BIDANG

- Bidang Elektrik Kuasa dengan pengkhususan:-
 1. Mesin Elektrik; ATAU
 2. Voltan Tinggi ; ATAU
 3. Sistem Kuasa

KELAYAKAN

- Warga negara Malaysia yang mempunyai kelulusan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Kejuruteraan Elektrik yang diiktiraf oleh kerajaan.
- Calon MESTI mempunyai sijil pendaftaran jurutera profesional, P.Eng. (Ir).
- Mempunyai pengalaman menjalankan penyelidikan dan rekod pencapaian yang baik dalam penerbitan (berpengalaman dalam pengajaran diberi keutamaan).
- Pemohon hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
- Penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang baik.

KRITERIA TAMBAHAN

- Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan dalam jurnal berindeks (penerbitan berindeks WoS, Q1/Q2 akan diberi keutamaan) atau setara dan membuktikan tahap kecemerlangan dalam penyelidikan.
- Menunjukkan sifat kreatif dan inovatif serta dedikasi yang tinggi sebagai pendidik.
- Calon yang mempunyai pengalaman industri dalam bidang berkaitan di atas akan diberi keutamaan.

DESKRIPSI BIDANG TUGAS YANG AKAN DISANDANG

KPI PENGAJARAN

- Mengajar sekurang-kurangnya dua (2) kursus berkaitan.
- Mengajar sekurang-kurangnya satu (1) kursus makmal.
- Menyelia pelajar projek akhir prasiswazah.
- Terlibat dalam aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran pusat pengajian.
- Melaksanakan pengajaran dan dokumentasi berdasarkan pendidikan berasaskan hasil (*Outcome Based Education – OBE*).

KPI PENYELIDIKAN

- Menyelia pelajar pascasiswazah (Ijazah Sarjana & Kedoktoran).
- Memperolehi sekurang-kurangnya satu (1) geran penyelidikan sebagai penyelidik utama.
- Menerbitkan sekurang-kurangnya satu (1) artikel penyelidikan dalam jurnal berindeks pada tahun pertama dan dua (2) artikel penyelidikan dalam jurnal berindeks pada tahun berikutnya (satu (1) penerbitan mesti dalam jurnal berindeks WoS, Q1/Q2).

KPI PENTADBIRAN

- Terlibat dalam aktiviti-aktiviti penting anjuran pusat pengajian.
- Terlibat sebagai ahli jawatankuasa dalam jawatankuasa yang ditubuhkan oleh pusat pengajian.
- Bersedia menyumbang tenaga dan kepakaran demi kepentingan pusat pengajian.

CARA MEMOHON

Majukan secara email (*nyatakan tajuk emel PERMOHONAN JAWATAN PENSYARAH UNIVERSITI WARGANEGARA KONTRAK*):

- Butiran jaya diri (CV)
- surat permohonan
- sijil-sijil akademik
- sijil pendaftaran profesional
- penerangan ringkas pelan/rancangan pengajaran dan penyelidikan
- dokumen-dokumen yang berkaitan (penerbitan jurnal dll)

TARIKH TUTUP : 29 APRIL 2022

Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang
(u/p Pn. Hajar Zituakmar)
Emel : zituakmar@usm.my

PENTING:

HANYA CALON YANG DISENARAI PENDEK SAHAJA YANG AKAN DIPANGGIL UNTUK TEMUDUGA